



AHMAD SHABERY CHEEK (dua dari kiri) bersama Aini Ideris (dua dari kanan) dan tetamu kehormat lain melihat baka ikan tilapia baharu UPM ketika melawat tapak pameran sempena Seminar Kedaulatan Makanan di Universiti Putra Malaysia di Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

Saya tidak sedar berlaku penyelewengan dana - Shabery

KUALA LUMPUR 24 Mac - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek menjelaskan beliau tidak menyedari berlaku penyelewengan dana kira-kira RM100 juta dalam Kementerian Belia dan Sukan sewaktu mengetuai kementerian tersebut pada 2010.

Katanya, sebagai menteri yang memegang portfolio tersebut pada waktu itu, beliau tidak berhubung langsung di peringkat Setiausaha Bahagian berbanding Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah.

Jelasnya, Setiausaha Bahagian adalah golongan lapisan pertengahan dalam kementerian.

"Saya tidak menyedari. Selalu menteri tidak berhubung terus di peringkat Setiausaha Bahagian. Setiausaha Bahagian selalunya berhubung dengan Ketua Setia-

saha dan Timbalan Ketua Setiausaha dan Pengarah.

"Selalunya menteri menyentuh mengenai dasar-dasar kerajaan. Dalam soal ini, tidak semestinya diketahui termasuk Ketua Setiausaha kementerian sendiri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Seminar Kedaulatan Makanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Yang turut hadir pada seminar itu ialah Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Jumaat lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan sembilan orang, termasuk seorang Setiausaha Bahagian kementerian yang dikatakan menerima suapan dianggar mencecah RM20 juta.

Pegawai kanan berusia 56 tahun itu bersama-sama lapan individu itu ditahan SPRM kerana

disyaki mendalangi satu sindiket menyeleweng dana kerajaan bernilai RM107 juta.

Ditanya mengenai penahanan dua lagi individu iaitu pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pengarah syarikat oleh SPRM, jelas Ahmad Shabery, sesiapa sahaja yang ditahan bukan bererti bersalah sebaliknya ditahan untuk membantu siasatan.

Jadi, beliau berharap semua pihak mesti memberi kerjasama untuk membantu siasatan.

"Perkara ini perlu dilihat secara positif, tiada apa yang disembunyikan dan saya akan beri sokongan sepenuhnya segala usaha untuk mendapatkan kebenaran dalam soal ini. Kita tidak boleh tolak ansur di mana pényalahgunaan kuasa boleh dilakukan oleh sesiapa pun dalam negara ini," ujarnya.